

# HIES 2014/15 kukuh kejayaan RMK-10

PUTRAJAYA 3 Dis. - Bancian Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) 2014/15 bermula Januari ini adalah penting dalam mengukuhkan kejayaan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10).

Ketua Perangkawan Jabatan Perangkaan, Dr. Abdul Rahman Hasan berkata, pada masa sama bancian itu akan menjadi input kepada kerajaan dalam merangka RMK-11 di samping mewujudkan pengiraan wa-jaran baharu untuk Indeks Harga Pengguna (IHP).

“Walaupun ada sasaran-sasaran dalam RMK-10 telah dicapai pada tahun-tahun sebelum ini tetapi HIES 2014/15 penting bagi memperkuatkukuhkan kejayaan RMK-10 yang bakal tamat tempoh pada 2015.

“Antara kejayaan itu adalah mengurangkan kadar kemiskinan keseluruhan, meningkatkan pendapatan isi rumah purata kumpulan berpendapatan rendah dan memperbaiki ketidakseimbangan pendapatan,” katanya.



ABDUL RAHMAN

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Apresiasi Media Bersama Ketua Perangkawan Malaysia di sini semalam.

Pada majlis itu, Jabatan Perangkaan turut memberi penerangan kepada media tentang data atau maklumat yang telah dikeluarkan oleh jabatan tersebut sepanjang tahun ini dan juga berkenaan projek bancian untuk 2014.

Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri (JPM) akan memperuntukan sebanyak RM50.7 juta bagi melaksanakan HIES 2014/15.

Sementara itu, Abdul Rahman berkata, bancian HIES 2014/15 itu akan melibatkan 80,000 responden di seluruh negara.

“Laporan tersebut akan diumumkan pada April 2015 dan pihak kami juga akan melaksanakan Bancian Perdagangan Edaran (CDT) 2014 pada tahun depan.

“Bancian itu akan melibatkan 700,000 responden dalam sektor perniagaan borong, runcit dan kenderaan bermotor bermula Mac dan dijangka tamat hujung November 2014,” katanya.